



**PERCUMA** 20 - 27 Jun 2014, 22 - 29 Syaaban 1435

**Sidang Dewan Negeri Selangor (DNS) 2014**

**muka 2-6**

**Kidex: Antara pembangunan & aspirasi rakyat**

**muka 7**

**Lima tapak sampah haram dalam rezab hutan**

**muka 10**



**17 - 22 JUN 2014**

Jalan Yong Shook Lin,  
Pusat Bandar Seksyen 52,  
Petaling Jaya, Selangor

[www.mbpj.gov.my](http://www.mbpj.gov.my) | 03-7956 3544

**LIHAT ATURCARA 21 - 22 JUN MUKA 12**



## KAGUM...

DYMM Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah Al Haj Ibni Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, melihat pameran sulung Lembaga Zakat Selangor (LZS) sempena pelancaran katalog Az Zakah, di ibu negara, 16 Jun lepas. Tuanku diringi Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim dan Pengerusi LZS, Tan Sri Syed Anwar Putra Jamalullail

Gambar oleh Rahimie Ariffin

# Campur tangan politik ganggu penguatkuasaan PBT

OLEH NAZLI IBRAHIM

**SHAH ALAM** - Ahli politik Pakatan Rakyat (PR) Selangor diingatkan tidak campur tangan dalam urusan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) menjalankan tugas penguatkuasaan.

Exco Kerajaan Tempatan, Datuk Teng Chang Khim, berkata hal itu berikutnya campur tangan golongan terbabit hanya meruntuhkan PBT menjalankan tugas seperti yang dilakukan ahli politik BN.

"PBT mempunyai pengetahuan secukupnya, tetapi masalahnya terdapat campur tangan politik dalam beberapa tindakan. Kalau ada rayuan dan wakil

rakyat rasa perlu diberikan pertimbangan, maka tulis pada PBT dan biar mereka putuskan.

Tambahnya, campur tangan itu memberi tekanan kepada PBT dalam membuat keputusan.

"Tak perlu telefon Exco, PBT, Yang Dipertua (YDP), bahkan beri tekanan supaya YDP ikut cakap sebab pilihan raya adalah dekat atau perkara lain," katanya.

Chang Khim turut kesal dengan tindakan sesetengah pihak yang menyalahkan Menteri Besar dan Exco jika keputusan PBT tidak seperti yang mereka harapkan.

"Pihak terbabit akhirnya mengadakan sidang media bagi menyerang dan memburukkan

imej Kerajaan Negeri," katanya.

Ketika menyentuh isu pembangunan yang dibina atas tanah rezab Kerajaan Negeri sejak sebelum era PR, Chang Khim menjelaskan tidak semua akan dikenakan tindakan.

"Antaranya membatikan kediaman dan rumah ibadat yang dibina atas tanah yang tidak rancangan untuk dibangunkan Kerajaan Negeri.

"Kerajaan Negeri akan beri peluang, masa dan peringatan secukupnya. Malah, ada yang ditawarkan penempatan semula di rumah yang dibina Kerajaan Negeri," katanya.

**PENDAPAT AHLI MAJLIS MUKA 2 >>**

## Mohon perkenan DYMM Sultan selesai isu PBM

**SHAH ALAM** - Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim mengadap DYMM Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah memohon perkenan memuktamadkan isu Persatuhan Bible Malaysia (PBM).

Pertemuan pertama dibuat pada 18 Jun lepas, manakala pertemuan kedua pada 19 Jun lepas. Menurut Abdul Khalid, keputusan akan diumum pada 23 Jun depan.

"Saya perlu berlaku adil pada semua pihak bagi memastikan isu yang berlarutan sejak Januari lalu dapat diselesaikan sepenuhnya," tegas beliau ketika ditemui media selepas pertemuan pertama.

Perkenan daripada Sultan Sharafuddin akan disusuli dengan pertemuan dengan pihak PBM.

"Kita terima nasihat Tuanku Sultan, tetapi saya tidak boleh

terangkan nasihatnya kerana perbincangan belum tamat," jelas Abdul Khalid.

Pada masa sama, Abdul Khalid berkata, Majlis Agama Islam Selangor (Mais) tidak pernah menyatakan mereka enggan memulangkan kitab Injil berkenaan. Sebaliknya Mais menegaskan mereka bertanggungjawab terhadap enakmen yang tidak dipatuhi PBM.

Beliau berkata, pihaknya juga tidak bercadang untuk melucutkan kuasa eksekutif Mais seperti yang dicadangkan empat Ahli Parlimen PAS Selangor 17 Jun lepas.

"Perkara itu tidak timbul (lucutkan kuasa) ... belum lagi. Ia ada proses dan perlu ikut langkah kerana bila sudah tahu (keputusan), saya kena panggil Jais dan Mais untuk beritahu mereka sebelum maklumkan kepada umum," katanya.

&lt;&lt; Dari Muka Hadapan

**PENDAPAT**

"Setakat ini belum ada campur tangan politik dalam penguatkuasaan PBT di MBPJ. Sekiranya berlaku ia adalah ancaman kepada PBT dalam melaksanakan tugas."

"PBT sedia ada perlu patuh dan akur dengan acuan yang ditetapkan Kerajaan Negeri yang mentadbir."

"PBT tidak sewajarnya buka ruang kepada ahli politik seperti itu yang akhirnya menjayakan matlamatnya memburuk-buruk dan memperlekeh Kerajaan Negeri untuk ambil kesempatan."

**Ahli Majlis MBPJ,  
Raja Fairuz Raja Mazlan**



"PBT selaku kerajaan ke-3 perlu tegas dalam perkara ini dalam memastikan badan eksekutif tidak merosakkan tindakan penguatkuasaan."

"Dikhawatir, campur tangan ahli politik ini beri keputusan yang populis, yang akhirnya PBT terjerat seperti kelulusan secara 'short cut' atau pelaksanaan projek yang tidak menepati garis panduan dan prosedur yang ditetapkan PBT."

**Ahli Majlis MPSJ,  
Rosharizan Mohd Rozlan**

# KIDEX: Hentikan jika tidak beri manfaat



**KERAJAAN** Negeri se-dia menggunakan kuasa untuk tidak meluluskan pengambilan tanah sekaligus menamatkan projek Lebuhraya Kin-rara-Damansara (Kidex) sekiranya projek itu tidak memberi manfaat kepada rakyat.

Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim (PR-Pelabuhan Klang) berkata ini berikutan kuasa pengambilan tanah merupakan kuasa mutlak Kerajaan Negeri.

"Pendirian Kerajaan Negeri konsisten. Kita tidak mengacau mereka (pemaju) membuat perlaksanaan."

Kuasa Kerajaan Negeri hanya akan digunakan selepas kita berpuas hati tentang kebaikan (le-buhraya) kepada awam," kata Abdul Khalid ketika menjawab soalan tambahan Adun Yeo Bee Yin (PR-Damansara Utama)

Sebelum itu, Abdul Khalid menjelaskan Lem-baga Lebuhraya Malaysia

(LLM) akan mengadakan penerangan kepada Kera-jaan Negeri berhubung projek Kidex dalam masa terdekat.

"Kita tanya LLM bukannya syarikat konsesi atau pemaju sebab pemegang konsesi mempunyai kepentingan komersial," jelas beliau.

Kerajaan Negeri akan memutuskan keputusan pengambilan tanah selepas mempertimbangkan laporan yang diben-tangkan nanti.

## Putrajaya halang Selangor pantau projek

**PEGAWAI** kanan Kerajaan Negeri tidak lagi diberi tem-pat dalam Unit Implementasi dan Kordinasi (ICU) di Jaba-tan Perdana Menteri bagi me-mantau pelaksanaan sesebuah projek yang dijalankan di Se-langor.

Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim (PR-Pelabuhan Klang) berkata se-

baliknya ketika ini Kerajaan Negeri hanya dimaklumkan apabila sesebuah projek itu tidak dapat disiapkan.

"Sebenarnya sebelum ini perkara pelaksanaan ini kalau projek persekutuan, pegawai kanan negeri diambil berkerja atau diberikan peluang untuk memantau."

"Bagaimanapun sejak

2008, projek pemantauan yang dibuat oleh ICU Jaba-tan Perdana Menteri tidak disamakan dengan Kerajaan Negeri kerana unit itu bukan bersama Kerajaan Ne-geri lagi.

"Bagi negeri seperti Perak atau Pahang masih lagi se-perti sebelum 2008," ka-tanya menjawab soalan tam-

bahan yang menyentuh isu pembinaan Lebuhraya Kin-rara-Damansara (Kidex) oleh Adun Shuhaimi Shafie (PR-Seri Muda).

Abdul Khalid berkata, ketika ini beliau sudah me-ngadakan perbincangan supa-y Kerajaan Negeri diberikan kuasa untuk mengawasi per-jalanan pelaksanaan projek.

## Dewan Negeri Selangor semakin matang

**SPEAKER** Dewan Negeri Selangor (DNS) memuji kematangan para Adun PR yang menyokong usul-usul yang bagus untuk rakyat, tan-pa mengira kepartian.

"Mereka membuktikan kemati-gan dalam membincangkan isu rakyat hingga melangkaui garisan politik."

"Ini jelas menunjukkan keputu-san saya membenarkan usul yang dibawakan pembangkang dibahaskan adalah tepat," kata Han-nah dalam sidang media di hari terakhir persidangan DNS, 18 Jun lepas.

Adun Amiruddin Setro (BN-Jeram) membawa usul menggesa Kerajaan Negeri menyiasat dan menghentikan mana-mana projek pembangunan yang dilaksanakan tanpa kebenaran merancang.

Dalam persidangan kali ini pembangkang di Selangor membawa dua usul.

Bagaimana satu lagi usul yang dibawa ADUN Sungai Panjang, Budiman Mohd Zohdi ditolak.



# Pelawa Adun pembangkang sertai mesyuarat PBT

**KERAJAAN** Negeri mengalukan Adun pembangkang BN menghadiri mesyuarat penuh Ahli Majlis Pihak Berkua Tempatan (PBT) yang dianjurkan setiap bulan.

Exco Kerajaan Tempatan, Kajian dan Penyelidikan, Datuk Teng Chang Khim (PR-Sungai Pinang) (**gambar**), berkata ia selaras dengan dasar terbuka Pakatan Rakyat (PR) Selangor, dan kesediaan Kerajaan Negeri bekerjasama dengan semua pihak demi kesejahteraan rakyat, berbeza dengan pentadbiran BN sebelum ini.

“Pada zaman BN, tidak pernah Adun dijemput, tetapi mereka yang minta sendiri untuk datang dan kemudiannya dihalau,” kata Chang Khim.

Semua minit mesyuarat bulanan PBT juga akan dipaparkan dalam laman web



PBT berkenaan untuk tatahan umum, selain berhasrat menyiaran segala tender dan kontrak yang diberikan kepada kontraktor terpilih.

“Kita lakukan semuanya secara terbuka, tiada rahsia dan dalam perancangan untuk menyiaran kontrak

yang diberikan kepada kontraktor, termasuk harga yang diluluskan bagi membuktikan PR Selangor adalah kerajaan terbuka serta bersih,” katanya.

Memperkemaskan lagi dasar keterbukaan ini, Kerajaan Negeri turut mengajak rakyat untuk memantau perjalanan mesyuarat secara langsung melalui laman web PBT.

“Kita sudah arahkan lapan daripada 12 PBT untuk siarkan secara langsung melalui laman web seperti sidang dewan ini.

“Jadi, kalau tak sempat nak ke PBT atau



tak dijemput, Adun atau sesiapa sahaja boleh menonton siaran secara langsung di laman web PBT berkenaan,” katanya ketika menjawab pertanyaan daripada Shahrum Mohd Sharif (BN-Dengkil).

## Kerajaan Negeri lulus 223 Ahli Majlis PBT

**KERAJAAN** Negeri sudah meluluskan pencalonan 233 Ahli Majlis Pihak Berkua Tempatan (PBT), manakala kuota selebihnya akan dipilih daripada calon-calon yang dinamakan parti komponen Pakatan Rakyat (PR).

“Kriteria pelantikan bergantung kepada pencalonan daripada parti, melainkan jika melanggar syarat, maka Kerajaan Negeri yang akan tentukan semula,” kata Exco Teng Chang Khim.

Beliau turut memaklumkan tempoh khidmat Ahli Majlis tidak boleh melebihi dua penggal, kecuali jika mereka menunjukkan prestasi kerja yang cemerlang.

## DNS perketat kawalan keselamatan

**KAWALAN** keselamatan di Sidang Dewan Negeri diperketatkan bagi mengelakkan insiden ganas di Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang baru-baru ini berulang di Selangor.

Speaker DNS, Hannah Yeoh, berkata pihaknya mengambil iktibar dari pencerobohan itu dan mahu keselamatan tetamu-tetamu dewan legislatif negeri dan anggotanya terpelihara.

“Kita sudah perketatkan kawalan keselamatan untuk memastikan tiada masalah keselamatan berlaku dan sesiapa yang datang perlu melaporkan kepada petugas di pintu utama. Sesiapa yang ingin masuk ke dewan perlu daftar dan dapatkan kad akses dan mempermananya pada setiap masa,” katanya.

## ‘Citizen Journalist’ untuk aktivis media

**LIDAH** rasmi media Kerajaan Negeri, Selangor Kini akan menyediakan kolumn khas yang dinamakan Citizen Journalist.

Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim, berkata kolumn itu memberi ruang kepada aktivis media setempat untuk bertugas secara sukarela memuatkan laporan aktiviti atau program di kawasan mereka.

Katanya, kolumn khas itu juga boleh digunakan wakil rakyat untuk berkongsi program yang dilaksanakan pusat khidmat masing-masing.

## Bagi kuasa untuk buru pengiklan haram



**UNDANG-UNDANG** akan digubal bagi memberi kuasa kepada Pihak Berkua Tempatan (PBT) mengambil tindakan undang-undang terhadap pengiklan haram.

Exco Kerajaan Tempatan, Kajian dan Penyelidikan, Datuk Teng Chang Khim (PR-Sungai Pinang), berkata operasi pembersihan tidak menanam rasa takut kepada pengiklan haram, kerana bidang kuasa PBT yang terhad.

“Kerajaan Negeri tidak mempunyai kuasa untuk ambil tindakan, tetapi yang boleh adalah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

“Kita turunkan iklan haram, tetapi mereka masih menampal semula kerana tiada tindakan diambil,” katanya.

Chang Khim berkata, melalui undang-undang ini PBT akan dibenarkan untuk mengambil maklumat yang tertera pada iklan haram dan mengesan pengiklan bertanggungjawab.

## Caj pembangunan bukan untuk bebankan rakyat

**CAJ** pembangunan yang dikenakan ke atas pemaju yang menaik taraf dan memulihkan infrastruktur awam adalah bagi tujuan penyelenggaran bagi kemudahan orang ramai.

Exco Kajian Tempatan, Kajian dan Penyelidikan, Datuk Teng Chang Khim (PR-Sungai Pinang), berkata pungutan itu akan dimasukkan ke dalam akaun amanah Caj kemajuan.

Caj itu dikira daripada kenaikan nilai tanah dan menetapkan bayaran 20 per-

tus bagi majlis daerah dan 30 peratus bagi majlis perbandaran serta bandaraya.

“Kalau kita lihat dari sudut positif, caj ini bukan untuk bebankan rakyat kerana ia adalah satu keperluan dalam memastikan kemudahan awam kita terus terpelihara pada masa akan datang.

“Kita juga ambil iktibar daripada kegagalan pentadbiran BN dulu, cukai pintu lama tak dinaikkan atas alasan politik dan tidak ada kewangan yang mencukupi menyebabkan rakyat tidak berpuas hati

kerana kebanyakan infrastruktur tidak dapat diperbaiki,” katanya menjawab soalan Adun Sulaiman Abdul Razak (BN-Permatang).

Sehingga kini jumlah terkumpul caj di-

terima adalah sebanyak lebih RM2 bilion daripada semua 12 pihak berkua tempatan (PBT).

Chang Khim tidak menolak kemungkinan caj ini mempengaruhi harga rumah, tetapi tiada kajian khas dijalankan untuk menyiasat perkara itu.

## Pembelaan rakyat langkaui garis politik

**E**RA perlwanan belum berakhir.

Selagi Umno BN masih bertahkota di Putrajaya, selagi kezaliman undang-undang berleluasa mengikut naluri segelintir manusia, selagi wang rakyat diboros dan diseleweng, perlwanan tetap akan ada.

Namun, itu bukan alasan untuk semberono melawan tanpa meneliti sesuatu isu. Bahkan, kerana isulah rakyat bangkit melawan - isu kezaliman, pemborosan dan sebagainya.

Pendek kata, masa melawan, kita lawan.

Tapi, ada masa perlunya menarik nafas seketika mereda emosi untuk duduk berunding atas isu tertentu selagi ia menguntungkan rakyat terbanyak.

Inilah kematangan politik.

Dan Selangor membuktikannya apabila usul yang dibawa Adun pembangkang dalam Dewan Negeri Selangor (DNS) diluluskan.

Malah, Usul Adun Jeram (Umno), Amiruddin Setro itu turut disokong Adun Pakatan Rakyat (PR).

Ia petanda kematangan Adun Selangor yang sedia menyokong usul asalkan memberi kesan positif kepada rakyat.

"Mereka membuktikan kematangan dalam membangunkan isu rakyat hingga melangkaui garis politik," kata Hannah.

Sebelum inipun, Hannah



**Selangorkini  
EDITORIAL**

sedia menerima usul Hudud - yang acap kali dijadikan senjata politik pemimpin Umno, untuk dibincang dalam DNS.

Namun, Umno yang mungkin tidak menyangka usul itu akan diterima, menarik balik cadangan berkenaan berikutnya kecaman MCA dan Gerakan.

Sebenarnya, kematangan politik pimpinan Selangor dapat dilihat sejak isu pengambilalihan konsesi air lagi. Biarpun dikritik rakan politik, proses itu diteruskan hingga jaya.

Mengapa? Kerana ia memberi kepentingan besar kepada rakyat.

Dan sejurus selepas Puncak Niaga - selepas tiga syarikat utama lain sudah bersetuju menerima tawaran pengambilalihan, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim memberi jaminan tarif air tidak akan naik dalam masa lima tahun.

Mengenangkan sikap sebegini, isu projek Kinrara-Damansara Expressway (Kidex) yang masih membahang, tidak perlu digusarkan sangat.

Kerana rekod membuktikan Kerajaan Selangor tidak akan sewenang-wenang berkata 'ya', tidak juga sesuka hati berkata 'tidak'.

Yang penting, kepentingan rakyat.

*Ketua Pengarang*

## Selangor Kini

### SIDANG PENGARANG

**PENASIHAT:** Faekah Husin  
Arfa'eza Abdul Aziz

**KETUA PENGARANG:** Fazallah Pit

**PENGARANG BERITA:** Hafizah Mokhtar **PEMBANTU PENGARANG:** Rusidah Salim

**WARTAWAN:** Afeeqa Afeera: afeeqa\_afeera@yahoo.com,

Hafizah Taib: hafiztaib@yahoo.com, Naeem Raffi: naeemraffi85@gmail.com,  
Afix Redzuan : afixredzuan@gmail.com, Lizawati Madfa : lizalyn84@gmail.com,

Norhayati Umor: chayunkyyatt@gmail.com, Nazli Ibrahim : nazlibrahim@gmail.com,

Norfarahidayu Baharudin : ayu\_tvs@yahoo.com

**JURUGAMBAR:** Raheemie Arifin, Shuaib Ayob & Asri Sapie

**GRAFIK & REKA LETAK:** Unit Grafik CCSB

Aras 2, Carlton Holiday Hotel & Suites, No 1, Persiaran, Akuatik 13/43,  
Seksyen 13, 40100, Shah Alam, Selangor

Tel : 03-5523 4856 Faks : 03-5523 5856 Emel: newsselangorkini@gmail.com

# Bahan binaan perlu diberi pelepasan cukai

**HARGA** perumahan dijangka meningkat walaupun sektor harta tanah dikecualikan daripada dikenakan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST).

Exco Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Peneroka Bandar, Iskandar Abdul Samad (PR-Chempaka), berkata kenaikan harga rumah itu dijangka berlaku kerana bahan binaan tidak dimasukkan dalam senarai 40 jenis barang yang tidak dikenakan GST.

"Semakan terhadap harga barang yang dikenakan cukai, barang bahan binaan tidak dikecualikan daripada dikenakan GST dan ini secara langsung memberikan kesan terhadap harga perumahan," kata Iskandar.

"Bermula 1 Januari lalu, Kerajaan Negeri mula mem-



GST akan dilaksanakan pada April 2015.

Kerajaan Negeri akan memohon pelepasan cukai sepenuhnya ke atas barang-barangan industri pembinaan supaya projek Rumah Mampu Milik (RMM) untuk rakyat seperti Rumah Selangorku dapat terus dibina pada harga munasabah.

"Apakah kerajaan Negeri boleh lakukan adalah akan memohon pelepasan cukai terhadap harga barang-barangan di dalam industri pembinaan perumahan khususnya membabitkan barang harga kawalan," katanya ketika menjawab soalan Adun Amiruddin Shari (PR-Batu Caves).

“

**Barang bahan binaan tidak dikecualikan daripada dikenakan GST dan ini secara langsung memberikan kesan terhadap harga perumahan**

**ISKANDAR SAMAD**  
Exco Perumahan

perkenalkan Dasar Perumahan Mampu Milik (Rumah Selangorku) yang mana menetapkan harga jualan rumah mampu milik antara RM42,000 hingga RM250,000 bergantung kepada saiz binaan, jenis rumah dan lokasi.

"Apakah kerajaan Negeri boleh lakukan adalah akan memohon pelepasan cukai terhadap harga barang-barangan di dalam industri pembinaan perumahan khususnya membabitkan barang harga kawalan," katanya ketika menjawab soalan Adun Amiruddin Shari (PR-Batu Caves).

## Pembinaan rumah baru perlu ada sistem penuaian air hujan

**KERAJAAN** Negeri mengalaukan Pelan Tindakan Kejiran-an Kehijauan yang diwartakan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) kerana menetapkan penggunaan Sistem Penuaian Air Hujan (SPAH) dalam pembinaan bangunan.

Exco Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Setinggan, Iskandar Abdul Samad berkata langkah itu selari dengan usaha kerajaan Negeri mengenal pasti potensi sistem SPAH dan On-site Stormwater Detention (ODS) disertakan dalam pembinaan rumah baru.

Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) turut melihat penggunaan sistem itu melalui

pengubahsuaihan bangunan dalam wilayahnya.

"Kita akan mengenal pasti mekanisme untuk mendidik rakyat Selangor supaya mengamalkan penggunaan air hujan untuk kerja harian seperti membasuh halaman dan kereta serta tujuan tanaman."

"Saranan ini akan diperlukan ke seluruh PBT untuk menggunakan tadahan air hujan ini untuk tujuan penyiraman pokok-pokok landskap," katanya, menjawab soalan Adun Saari Sungib (PR-Hulu Kelang).

Sebelum ini, usaha kearah memanfaatkan air hujan menjadi bahan kempen Exco Pelancongan dan Alam Sekitar, Elizabeth Wong.

SPAH ialah kaedah mengumpul dan menyimpan air hujan untuk digunakan semula, manakala OSD ialah kaedah memastikan kerja-kerja olah bumi tidak menyebabkan air melimpah keluar dari dalam sistem saliran.

Iskandar berkata kerajaan Negeri sudah memasang sistem sedemikian di Bangunan Dewan Jubli Perak.

"Kita mahu gunakan air hujan untuk kerja-kerja pembersihan, penyiraman pokok bunga dan 'toilet flushing' seterusnya boleh menjimatkan mengurangkan perbelanjaan bil air."

"Projek ini akan siap sepenuhnya pada Ogos 2014," katanya.

# Siap sedia hadapi El Nino

**KERAJAAN** Negeri melaksana beberapa inisiatif sebagai persediaan awal menghadapi fenomena El Nino yang dijangka melanda negara sekitar Jun hingga September tahun ini.

Exco Pelancongan, Hal Ehwal Pengguna dan Alam Sekitar, Elizabeth Wong (PR-Bukit Lanjan) berkata, antara inisiatif yang dibuat adalah operasi pelepasan air dari kolam alternatif ke Sungai Selangor bagi meningkatkan jumlah bekalan air ke loji-loji air, dan operasi pengepaman semula air dari Sungai Selangor ke kolam-kolam alternatif sebagai bekalan kecemasan.

"Sejumlah 20 pam berkapasiti 48 JLH telah dan sedang ditempatkan di sembilan kolam alternatif bagi membekalkan 960 JLH.

"Hasilnya, jumlah 'residual flow' meningkat pada April dan Mei dengan anggaran 2,200 JLH hingga 12,000 JLH di baraj Bestari Jaya," jelasnya ketika menjawab pertanyaan mulut Datuk Shukur Idrus (BN-Kuang).

Di samping itu, Kerajaan Negeri menerusi Lembaga Urus Air Selangor



(Luas) dengan kerjasama Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) dan pihak swasta giat melaksanakan operasi pembenihan awan sejak 27 Mac sehingga 31 Mei lalu.

"Sejak operasi dilaksanakan sehingga 11 Jun lalu, Kerajaan Negeri berjaya melakukan 39 kali operasi pembenihan dan akan diteruskan sehingga hujung tahun ini.

Menurut MetMalaysia, Malaysia Timur (Sabah-Sarawak-Labuan) dijangka menerima impak El Nino yang

lebih ketara berbanding Malaysia Barat (Semenanjung).

Di bawah pengaruh El Nino, cuaca dijangka menjadi lebih kering sekalus mengundang masalah jerebu tebal. Kali terakhir El-Nino melanda negara adalah pada tahun 2009.

"El-Nino yang lemah dan sederhana kebiasaannya tidak memberi kesan yang signifikan kepada cuaca negara. Jerebu adalah fenomena biasa pada musim ini (Monsun Barat Daya) walaupun tanpa kehadiran El-Nino," menurut satu kenyataan.

## Bakar jerami: Petani diminta guna kaedah alternatif

**PETANI** diminta menggunakan kaedah alternatif berbanding pembakaran jerami secara terbuka ketika Selangor menghadapi fenomena El Nino.



Adun Ng Suee Lim (PR - Sekinchan)(gambar) berkata, walau pun pembakaran terbuka amalan biasa sejak turun-termurun, namun pendekatan alternatif wajar dilakukan demi mengelak pencemaran serius.

"Fenomena El Nino memang berlaku setiap tahun, khususnya pertengahan tahun. Pembakaran jerami secara terbuka memang amalan biasa, namun dengan inisiatif mengurangkan pencemaran dilihat sebahagian besar petani sudah mula keluar daripada amalan tradisional ini.

"Antara cara dibuat, mengumpulkan jerami sebagai bongkah lalu dibawa ke pusat pengumpulan untuk dijadikan makanan lembu. Tanpa pembakaran, pencemaran akibat asap dapat dielakkan," katanya.

## Operasi pelbagai agensi kesan pesalah pembakaran terbuka

**PENGUATKUASAAN** undang-undang larangan pembakaran terbuka diperlakukan bagi mengurangkan kes kebakaran kawasan tanah gambut yang menjadi punca jerebu.

Exco Pelancongan, Hal Ehwal Pengguna dan Alam Sekitar, Elizabeth Wong, berkata Jabatan Alam Sekitar (JAS), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Pejabat Tanah dan Daerah akan mengenakan tindakan setimpal keatas mereka yang didapati bersalah.

"JAS juga sudah menjalankan program pemantauan dan rondaan darat ke atas kawasan berisiko tinggi seperti tanah gambut dan tapak pelupusan sampah.

"Ia turut dilaksanakan melalui pe-



**JAS juga sudah menjalankan program pemantauan dan rondaan darat ke atas kawasan berisiko tinggi seperti tanah gambut dan tapak pelupusan sampah**

**ELIZABETH WONG**  
Exco Alam Sekitar

nerbang udara dengan kerjasama Unit Udara Polis dan penerbangan swasta bagi pengesanan awal mengelak kebakaran daripada terus merebak," katanya menjawab pertanyaan lisan Dr Xavier Jayakumar (PR-Seri Andalas).

Kerajaan Negeri melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Ke 30/2012 pada 15 Ogos 2012 juga memutuskan PTD berhak merampas tanah terbiar yang didapati menjadi lokasi kesalahan pembakaran terbuka.

Elizabeth berkata, Kerajaan Negeri turut melebarkan usaha menangani masalah jerebu dengan menubuhkan Unit Penguatan Khas di Majlis Perbandaran Klang (MPK) bagi memantau kawasan pertanian Revolusi Hijau, Johan Setia, Klang.

"Jabatan Pengairan dan Saliran, Jabatan Perhutanan serta Jabatan Mineral dan Geosains juga melaksanakan langkah pencegahan pembakaran terbuka di hutan (tanah gambut) dengan kaedah 'Water Management System' melalui pembinaan 'Checkdam' dan pembinaan telaga air tanah (Tubewell) untuk mengawal kebakaran daripada terus merebak," katanya.

## Sedia minum air lombong

**EXCO** Dr Ahmad Yunus Hairi bersedia membuat demonstrasi minum air bekas lombong bagi membuktikan tahap keselamatannya.

"Insya-Allah, boleh uruskan untuk minum air berkenaan kerana Menteri Besar tempoh hari juga sudah cakap kalau tak percaya sangat kita boleh minum air lombong itu," katanya.

Baru-baru ini, badan bukan kerajaan (NGO) anti-rasuah Pusat Pengempur Rasuah dan Kronisme (C4) menggesa Exco Selangor membuat demonstrasi minum air dari tasik lombong untuk membuktikan tahap keselamatan bekalan terabit.

## 19 kolam air diwarta zon perlindungan

**19 KOLAM** sumber air alternatif seluruh negeri dikenalpasti untuk diwartakan sebagai zon perlindungan.

Pengarah Lembaga Urus Air Selangor (LUAS), Md Khairi Selamat, berkata kriteria pemilihan kolam itu berdasarkan saiz yang melebihi 10 ekar, lokasi berhampiran dengan sungai, mempunyai akses mudah masuk dan kedudukan berhampiran muka sauk.

"Kolam ini digunakan untuk meningkatkan paras air di Sungai Selangor bagi membekalkan air kepada loji pembersihan air (LPS) ketika berlakunya kekurangan sumber air," katanya.

## Catuan air tidak berulang

**PENGGUNA** di Lembah Klang dan Putrajaya tidak perlu cemas berulangnya catuan air kerana kapasiti air di empangan berada pada tahap memuaskan meskipun cuaca kering melanda negara sejak kebelakan gan ini.

Exco Dr Ahmad Yunus Hairi (PR-Sijangkang) berkata bekalan air sedia ada termasuk kolam alternatif mencukupi untuk menampung keperluan pengguna sekurang-kurangnya dalam tempoh empat hingga lima bulan lagi.

"Sebenarnya kita sudah buat kajian semua kolam itu dan kapasitinya mencukupi. Setakat ini jangkaan kita kolam air di empangan dan kolam takungan yang kita ada semuanya mencukupi," katanya.



SEJAK dilancarkan pada 28 Ogos 2012, Jawatankuasa Teknikal Antipemerdagangan Manusia (JKTAPM) berjaya mengendalikan 92 kes melibatkan 896 mangsa dari pelbagai sektor pekerjaan.

Exco Kebajikan dan Hal Ehwal Wanita Rodziah Ismail (PR-Batu Tiga) berkata rekod itu adalah bukti JKTAPM berperanan dan berfungsi di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dalam membantu membanteras pemerdagangan manusia di Selangor.

"Sejak ditubuhkan sehingga 30 Mei 2014, JKTAPM berjaya mendaftarkan 5011 peserta bagi menyertai program advokasi kepada PBT dan warganya.

"Pekembangan positif ini,

## Jawatankuasa Antipemerdagangan Berkesan bantu mangsa sindiket

adalah bukti JKTAPM memainkan peranannya dengan berkesan," katanya menjawab pertanyaan bertulis Adun Hulu Bernam Rosni Sohar dalam sidang Dewan Undangan Negeri (DNS).

Penubuhan JKTAPM diperingkat PBT seluruh Selangor telah dipersetujui oleh Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan Bil.3/2011 pada 24 Mei 2011 lalu.

Penubuhannya berperanan besar mengenalpasti kejadian, mangsa dan kes pemerdagangan manusia.

JKTAPM juga ditubuhkan untuk mengumpulkan data,

### BILANGAN KES DAN JENIS PEMERDAGANGAN MANUSIA SEHINGGA 30 MEI 2014

Jenis	Bil Kes	Bil Mangsa
Tenaga Kerja	34	727
Seks	5	53
Pembantu Rumah	29	31
Tidak Dikenal Pasti	14	15
Lain-lain	10	70
<b>Jumlah</b>	<b>92</b>	<b>896</b>

pengurusan dan penjanaan semula maklumat untuk membanteras usaha membanteras jenayah pemerdagangan manusia.

"Selain bekerjasama dengan Majlis Antipemerdagangan Ma-

nusia Negeri Selangor (MAP-MAS), JKTAPM juga jalinkan kerjasama dengan PDRM, Polis Marin, Imigresen dan Jabatan Tenaga Kerja untuk operasi dan penguatkuasaan," jelasnya.

## RM10 juta tingkat kemudahan sekolah

KERAJAAN Negeri menyalurkan RM10,903,000 menerusi Program Bantuan Sekolah (Fasa 1) bagi Tahun 2014 kepada 479

sekolah seluruh Selangor.

Exco Pendidikan, Pendidikan Tinggi dan Pembangunan Modal Insan, Dr Halimah Ali (PR-Selat

Klang) berkata agihan bertujuan menyediakan suasana pembelajaran yang kondusif.

"Sebelum 2008, SAR tidak mendapat bantuan daripada Kerajaan Negeri ataupun Pusat.

"Kemudahan di kebanyakan sekolah berada dalam keadaan yang lemah. Sistem pendawaiian, tandas, kipas dan bilik darjah dalam keadaan tidak terurus dengan baik.

"Jadi bantuan seumpama ini amat diperlukan oleh pihak sekolah dalam memberi persekitaran pembelajaran yang kondusif kepada pelajar," jelasnya.

Untuk rekod, peruntukan

Program Bantuan Sekolah bagi penggal ini masih kekal kepada RM16 juta.

Agihan tersebut melibatkan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) dengan bantuan sejumlah RM2,302,000.00. Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) RM3,077,000.00 manakala baki RM5,506,000.00 untuk Sekolah Agama Rendah (SAR).

"Kita bercadang untuk tubuhkan Jawatankuasa Khas bagi memantau setiap guna dana agar apa yang sekolah minta di dalam borang dilaksana setelah Kerajaan Negeri memberi bantuan," katanya



## 'Kampungku' guna input rakyat bangun ekonomi desa

20 BUAH kampung terutama di daerah Sabak Bernam dan Hulu Selangor dikenal pasti sebagai lokasi projek pembangunan desa 'Kampungku'.

Exco Hal Ehwal Islam, Pemodenan Pertanian dan Pembangunan Desa, Sallehen Mukhyi (PR-Sabak) berkata, projek melibatkan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) itu memfokuskan

kepada program meningkatkan pendapatan masyarakat desa, dan pembangunan ekonomi desa secara menyeluruh.

"Kegagalan program sebelum ini berpunca daripada masalah perlaksanaan pengurusan, maka untuk fasa pertama kita tekan kan supaya mereka yang terbabit mempunyai disiplin yang tinggi untuk menjayakan program ini."

"Kita fokus dulu kepada

JKKK supaya mereka sendiri mempunyai organisasi kefahaman tersusun dan mengikut sikap yang baik dalam menerima program pembangunan desa bagi memacu atau menjayakan program ini," katanya.

Kerajaan Negeri turut memfokuskan kepada Program Kemahiran Teknikal Belia Desa, membabitkan belia luar bandar untuk mengikuti kursus kema-

hiran dalam bidang pendawaiian, elektrik dan penyaman udara.

Belia terpilih akan dilatih secara berkelompok berdasarkan kepada pemilihan program yang mempunyai pasaran dan daya saing baik.

"Kita akan laksanakan cadangan yang dikemukakan komuniti kampung untuk memastikan program itu memberi manfaat kepada masyarakat," katanya.

## Umno 'U-Turn' bahas Hudud

CUBAAN melaga-lagakan pemimpin PAS dan DAP gagal selepas Umno menarik balik notis usul membahaskan perlaksanaan Hudud di Selangor.

Umno menarik balik notis itu selepas Speaker Hannah Yeoh menerima dan membenarkan perlaksanaan Hudud dibincangkan di dalam Dewan Negeri Selangor (DNS).

"Mereka jangkakan apabila mereka membawakan usul itu, Speaker akan menghalang dibahaskan dengan harapan mampu mencetuskan perbalahan PAS dengan DAP," kata Ahli Parlimen Shah Alam, Khalid Abdul Samad.

"Sekiranya isu Hudud dibahaskan kami (PR) sudah bersedia membahaskannya dengan matang dan berfikiran terbuka tanpa menjelaskan kerjasama Pakatan Rakyat," kata Adun Mohd Khairuddin Othman (PR-Paya Jaras) pula.

## Umum nombor telefon dalam Sidang DUN

GELAGAT Adun Halimaton Saadiah (BN-Kota Damansara) beberapa kali bangun bagi menanyakan soalan berhubung isu perumahan akhirnya mendorong Exco Selangor, Iskandar Samad (PR-Kota Anggerik) mengumumkan nombor telefon bimbitnya dalam sidang DNS.

Reaksi spontan Iskandar menarik perhatian Speaker, Hannah Yeoh.

"Ini pertama kali, tidak pernah berlaku sebelumnya," ujar Hannah dan disambut ketawa Adun lain yang berada di dewan.

Sebelum itu, Iskandar turut meminta maaf kepada Halimaton kerana tidak memaklumkan lawatan ke kawasannya.

"Kecil hati dan sedih saya bila selepas tiga hari baru dapat tahu Adun Chempaka turun kawasan saya," ujar Halimaton.

OLEH SHAZNI MUNIR  
MOHD ITHNNIN

**B**antahan segelintir penduduk Petaling Jaya terhadap projek Kinrara-Damansara Expressway (Kidex) yang menjadi polemik sejak hampir dua bulan lalu.

Walaupun Kidex membabitkan dua pihak berkuasa tempatan (PBT) iaitu MBPJ dan MPSJ.

Tentangan paling hebat datang daripada mereka yang mungkin terjejas dengan alasan manfaat dan faedah Kidex dijangka terlalu marginal berbanding pelbagai kos dan kesan buruk.

Sebenarnya, beberapa perkara perlu diteliti dalam kontroversi projek Kidex.

Perlu ditegaskan, Kidex dan tiga hingga empat lagi lebuhraya bertol baharu yang dicadangkan sebenarnya projek Kerajaan Persekutuan.

Namun, Kerajaan Negeri terikat dengan Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan yang menetapkan bidang kuasa bagi Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri sama ada dalam senarai Persekutuan, senarai negeri atau senarai bersama.

Skop bidang kuasa Kerajaan Persekutuan sebenarnya sangat luas dan hampir mutlak terutama melibatkan infrastruktur dan kemudahan awam serta pembangunan secara umum.

Sebaliknya, Kerajaan Negeri hanya berperanan memberi nasihat.

Contoh, Kerajaan Negeri tidak boleh menolak permohonan Kerajaan Persekutuan untuk mengambil alih tanah bagi pembinaan infrastruktur awam.

Mengikut Kanun Tanah Negara, pengambilan tanah demi kepentingan awam dibenarkan dan ia bidang kuasa Kerajaan Persekutuan.

Mengikut Akta Pengambilalihan Tanah, Kerajaan Negeri

**Capaian dan skop bidang kuasa Kerajaan Persekutuan sebenarnya sangat luas dan hampir mutlak terutama melibatkan infrastruktur dan kemudahan awam serta pembangunan secara umum**

# Antara pembangunan dan aspirasi rakyat

## FAKTA LEBUHRAYA KIDEX:

- Kos pembinaan RM2.42 bilion, dibiayai pelabur swasta manakala Kerajaan Persekutuan membentuk kos pengambilalihan harta tanah.
- Perjanjian konsesi ditandatangani pada 15 November 2013.
- Proses pembinaan dijangka bermula seawal 2015 dan dijadual siap menjelang 2018.
- Tempoh konsesi selama 48 tahun.
- Ada 7 persimpangan iaitu Damansara-NKVE, Bandar Utama, Damansara-SPRINT, Lebuhraya Persekutuan 2, Taman Dato Harun-NPE, Kinrara-KESAS dan Kinrara-Lebuhraya Bukit Jalil.
- Sepanjang 14.9 kilometer dengan dua lorong, dua hala menghubungkan utara-selatan Lembah Klang iaitu Damansara-NKVE Interchange, sebahagian daripada New Klang Valley Expressway (NKVE) di utara ke Bandar Kinrara di selatan yang bersambung dengan Lebuhraya Bukit Jalil melalui Bandar Utama, Kayu Ara, Damansara Kim, Petaling Jaya.
- Disebut-sebut sebagai 'living skyway' pertama di dunia, menggunakan teknologi hortikultural terkini untuk membina lebuhraya lengkap dengan taman vertikal.



hanya boleh mempertikai kuantum pampasan akibat pengambilan tanah atau mencadangkan jajaran alternatif.

Sebenarnya, Kidex masih di peringkat cadangan atau dalam proses memenuhi syarat dan terma untuk mendapat kelulusan untuk mulakan projek.

Terlalu awal untuk Kerajaan Negeri mengambil tindakan membantah atau susulan lain sebelum keseluruhan projek diperhalusi.

Pun begitu, Kerajaan Selangor cuba melaksanakan Manifesto Pakatan Rakyat di peringkat pusat bagi Pilihan Raya Umum ke-13 meski tidak membuat komitmen sama di peringkat negeri.

Kesungguhan Kerajaan Selangor menurunkan kadar tol secara berperingkat ke arah memansuhkan tol demi kesejahteraan rakyat sebagaimana

dalam manifesto Pakatan di peringkat pusat terbukti apabila menggunakan teknologi 'kelebihannya' baru-baru ini.

Melalui 30 peratus saham PKNS dalam Lebuhraya KESAS, 20 peratus dalam Lebuhraya SPRINT dan LDP melalui Kumpulan Perangsang Berhad, Kerajaan Selangor menghalang kenaikan tol yang diumum Kerajaan Persekutuan bagi 15 lebuhraya menjelang 1 Januari 2014.

Namun, tanpa Kerajaan Persekutuan yang dipimpin Pakatan Rakyat (PR), sebahagian Manifesto Pakatan di peringkat pusat tidak dapat dibuat termasuk penghapusan tol.

Kerajaan Persekutuan tadbiran BN patut menunjukkan 'political will' untuk menghapuskan tol kerana mereka ada kuasa mutlak dalam hal itu.

Kuasa spesifik Kerajaan Selangor untuk menghalang penganugerahan konsesi lumayan kepada golongan elit dan kronik terbatas terutama bagi hal-hal dalam bidang kuasa Kerajaan Persekutuan.

Walaupun Kerajaan Selangor secara dasar setuju dengan cadangan pembinaan Kidex bagi mengurangkan kesesakan lalu lintas, ia tidak bermakna projek itu diteruskan tanpa memenuhi syarat dan terma.

Antara syarat yang dipersejui Kerajaan Persekutuan dan

**Walaupun Kerajaan Selangor secara dasar setuju dengan cadangan pembinaan Kidex bagi mengurangkan kesesakan lalu lintas, ia tidak bermakna lebuhraya itu pasti diteruskan tanpa memenuhi syarat dan terma**

Kerajaan Negeri ialah menjalankan kaji selidik pandangan awam dan membentang hasilnya.

Kidex juga perlu selari dengan semua rancangan pemajuan seperti Rancangan Tempatan (RT) dan Rancangan Kawasan Khas (RKK) mengikut peruntukan Seksyen 16, Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172).

Mengikut Seksyen 18 Akta 172, mana-mana tanah atau bangunan tidak boleh digunakan jika projek tidak konsisten dengan rancangan pemajuan.

Rancangan pemajuan ialah pelan tindakan bagi mana-mana PBT. Hakikatnya, Kidex tidak diperuntuk dalam mana-mana rancangan pemajuan bagi Petaling Jaya walaupun Kerajaan Negeri bercadang menjadikan projek ini sebahagian daripada Rancangan Struktur Negeri Selangor 2035.

Tidak hairanlah permohonan memulakan projek itu tiga kali ditolak MBPJ kerana gagal menyediakan perincian seperti Laporan Penilaian Kesan Alam Sekitar, Laporan Penilaian Kesan Sosial dan Laporan Penilaian Kesan Lalu Lintas.

Namun, tidak adil serangan bersifat peribadi terhadap Menteri Besar Selangor seperti gesaan segelintir pemimpin Pakatan supaya pimpinan di peringkat Pusat menyatakan pendirian terhadap cadangan membina lebuhraya bertol di Selangor.

Andainya ikhlas demi reputasi Pakatan, mengapa tidak pertikai cadangan projek infrastruktur mega bertol bernilai RM6.3 billion untuk membina tiga lebuhraya dan satu terowong bawah laut di Pulau Pinang?

Bukankah ia juga menerima protes awam dengan hujah tentang yang hampir sama dengan projek Kidex? Apakah lagi dengan kewujudan Jambatan Kedua Pulau Pinang yang dibuka untuk kegunaan awam.

Berikut merupakan perincian projek mega yang menerima protes awam di Pulau Pinang:

- Lebuhraya pintas sepanjang 12 km dari Tanjung Bungah ke Teluk Bahang, dijangka siap menjelang 2018
- Lebuhraya pintas sepanjang 4.6 km menghubungkan Bandar Baru Air Itam ke Lebuhraya Tun Dr Lim Chong Eu, dijangka siap menjelang 2019
- Lebuhraya pintas sepanjang 4.2 km menghubungkan Lebuhraya Tun Dr Lim Chong Eu ke Gurney Drive, dijangka siap menjelang 2022

- Terowong bawah laut sepanjang 7.2 km menghubungkan Gurney Drive, Georgetown ke Bagan Ajam, Seberang Perai Utara, dijangka siap menjelang 2025

**Shazni Munir ialah bekas aktivis mahasiswa dan Koordinator Gabungan Tanah Rakyat (TANAH)**

# Album

8 | Selangorkini 20 - 27 Jun 2014



▲ Adun Gombak Setia, Hasbullah Ridzwan (baju hijau), bersama peserta program Kem Bestari Smart Solat di Surau Ikhwan Taman Samudra. Program yang mendapat kerjasama Pejabat Agama Islam Daerah Gombak itu disertai 106 orang peserta



▲ Adun Kinrara, Ng Sze Han, bersama juara Kejohanan Liga Bola Sepak 9 Sebelah Piala Ng Sze Han, di Kampung Kuala Sungai Baru, Puchong



Peserta Program Mind Your Language, bangga dengan sijil penyertaan yang diterima.  
Adun Lembah Jaya, Khasim Abdul Aziz (berkopiah) bersama peserta sewaktu majlis penutup



▲ Adun Hulu Kelang, Saari Sungib, meluangkan masa menziarah salah seorang penduduk di Taman Seri Keramat yang baru menjalani pembedahan. Abd Ghani Ibrahim, 71 tahun, menjalani pembedahan jantung di Institut Jantung Negara (IJN).



▲ Adun Rawang, Gan Pei Nei (berselendang) bersama wakil masjid dan surau selepas majlis penyerahan sumbangan sempena Ramadan

## 'Kenduri Sekampung' satukan penduduk dan pemimpin

**MASYARAKAT** Kampung Bahagia, sungguh bertuah kerana terpilih dalam program Kenduri Sekampung, iaitu antara temasya tahunan yang menghimpunkan pelbagai lapisan masyarakat bersama Adun Bangi, Shafie Ngah, baru-baru ini.

Program yang berlangsung selama enam siri itu antara usaha Shafie bagi menjalin kemesraan antara pemimpin dengan masyarakat berkenaan, sekali gus menghapuskan tanggapan bahawa wakil rakyat hanya bertandang ke kawasan

**SHAFIE NGAH**  
Adun Bangi

kampung menjelang musim pilihan raya sahaja.

Shafie berkata, beliau mengharapkan pengajuran program itu dapat memahami secara dekat masalah masyarakat sekitar, selain bersama warga kampung bergotong-royong.

"Melalui program seperti ini, saya berhasrat supaya produk Kerajaan Negeri dalam Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES) dapat perhatian dan pembabitam rakyat, khususnya luar kota yang kurang pendedahan," katanya.



## Ziarah dan tanya khabar mangsa kemalangan jalan raya

**FARIDAH** Kasmin, 24, ditimpa kemalangan jalan raya sewaktu ke tempat kerja.

Beliau yang tinggal di Kuala Sungai Baru, Puchong, kini terpaksa mengambil cuti sakit dan berehat di rumah kerana sukar untuk bergerak.

**NG SZE HAN**  
Adun Kinrara

Sebagai tanda prihatin, Adun Kinrara, Ng Sze Han, baru-baru ini datang melawat mangsa.

"Kita harap dengan sedikit sumbangan yang diberikan dapat meringankan bebanan mereka sekeluarga," jelasnya.



## JABATAN KERJA RAYA KENYATAAN TENDER

Tender adalah dipelawa daripada Kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan dan Pusat Khidmat Kontraktor/Kementerian Kewangan dalam kelas dan jenis pendaftaran yang berkaitan dan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini dan bagi kerja/bekalan berikut:-

Pejabat yang memanggil tender	Tajuk Projek (Pembentangan)**	Taraf/Jenis Syarikat**	Gred, Kategori, Pengkhususan	Tempat & Tarikh Dokumen Mulai Dijual	Harga Dokumen & Bayaran Atas Nama	Tempat, Tarikh & Waktu Tender Tutup
Bahagian Kontrak Dan Ukur Bahan, JKR Negeri Selangor	PEMASANGAN ELEKTRIK UNTUK BANGUNAN PEJABAT JKR SEPANG, DAERAH SEPANG, SELANGOR DARUL EHSAN JKR/SEL(N)/030(T)/2014	Bumiputra T1	CIDB Gred : G7/G6/G5/G4/G3 Kategori : ME Pengkhususan: E04, E06 & E11 Kontraktor adalah diwajibkan berdaftar dengan Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor (UPEN)	Bahagian Kontrak & Ukur Bahan, JKR Selangor. Tarikh Dokumen Dijual: <b>23/06/2014 (Isnin)</b> Sehingga <b>07/07/2014 (Isnin)</b>	<b>RM200.00</b> (Draf Bank/ Kiriman Wang/ Wang Pos) (bayaran ini tidak akan dikembalikan) Atas Nama Pengarah Kerja Raya Negeri Selangor	Bahagian Kontrak & Ukur Bahan, JKR Negeri Selangor Tingkat 1, Bangunan SSAS 40582 Shah Alam, Selangor <b>Pada: 14/07/2014 (Isnin)</b> Sebelum/Pada Jam 12.00 tengahari. Tender yang lewat diterima tidak akan dilayan.

Lawatan Tapak Digalakkan. Sebarang pertanyaan hubungi Bahagian Elektrik, JKR Selangor. No. Tel: 03 55447738 / 7728

Dokumen tender dipelawa daripada kontraktor-kontraktor yang berdaftar di Pusat Khidmat Kontraktor/Kementerian Kewangan dalam kelas dan jenis pendaftaran yang berkaitan dan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja/bekalan berikut :-

- \*Jenis Syarikat Tempatan:  
 T1 Syarikat 100% milik tempatan  
 A1 Syarikat 100% milik tempatan dan syarikat tempatan yang disenaraikan di BSKL yang mempunyai pegangan ekuiti asing tidak melebihi 30% dan ahli Lembaga Pengarah, pengurusan dan pekerja adalah 10% warganegara.  
 A2 Syarikat 100% milik tempatan, syarikat tempatan yang disenaraikan di BSKL dan Syarikat Usahasama yang diperbadankan di Malaysia yang mempunyai pegangan ekuiti asing tidak melebihi 49% dan majoriti ahli Lembaga Pengarah, Pengurusan dan pekerja adalah warganegara.



## JABATAN KERJA RAYA KENYATAAN TENDER

Tender adalah dipelawa daripada Kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan dan Pusat Khidmat Kontraktor/Kementerian Kewangan dalam kelas dan jenis pendaftaran yang berkaitan dan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini dan bagi kerja/bekalan berikut:-

Pejabat yang memanggil tender	Tajuk Projek (Pembentangan)**	Taraf/Jenis Syarikat**	Gred, Kategori, Pengkhususan	Tempat & Tarikh Dokumen Dijual	Harga Dokumen & Bayaran Atas Nama	Tempat, Tarikh & Waktu Tender Tutup
Bahagian Kontrak Dan Ukur Bahan, JKR Negeri Selangor	MENAIKTARAF DAN MELEBAR JALAN TALIAIR 5, SEKINCHAN, DAERAH SABAK BERNAM, SELANGOR DARUL EHSAN JKR/SEL(N)/029(T)/2014	Bumiputra T1	CIDB Gred : G3 Kategori : CE Pengkhususan: CE01 & CE21 Kontraktor adalah diwajibkan berdaftar dengan Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor (UPEN)	Bahagian Kontrak & Ukur Bahan, JKR Selangor. Tarikh Dokumen Dijual: <b>20/06/2014 (Jumaat)</b> Sehingga <b>03/07/2014 (Khamis)</b>	<b>RM230.00</b> (Draf Bank/ Kiriman Wang/ Wang Pos) (bayaran ini tidak akan dikembalikan) Atas Nama Pengarah Kerja Raya Negeri Selangor	Bahagian Kontrak & Ukur Bahan, JKR Negeri Selangor Tingkat 1, Bangunan SSAAS 40582 Shah Alam, Selangor <b>Pada: 10/07/2014 (Khamis)</b> Sebelum/Pada Jam 12.00 tengahari. Tender yang lewat diterima tidak akan dilayan.

Lawatan Tapak Digalakkan. Sebarang pertanyaan hubungi Bahagian Kontrak dan Ukur Bahan, JKR Selangor. No. Tel: 03 55447756/52

Dokumen tender dipelawa daripada kontraktor-kontraktor yang berdaftar di Pusat Khidmat Kontraktor/Kementerian Kewangan dalam kelas dan jenis pendaftaran yang berkaitan dan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja/bekalan berikut :-

- \*Jenis Syarikat Tempatan:  
 T1 Syarikat 100% milik tempatan  
 A1 Syarikat 100% milik tempatan dan syarikat tempatan yang disenaraikan di BSKL yang mempunyai pegangan ekuiti asing tidak melebihi 30% dan ahli Lembaga Pengarah, pengurusan dan pekerja adalah 10% warganegara.  
 A2 Syarikat 100% milik tempatan, syarikat tempatan yang disenaraikan di BSKL dan Syarikat Usahasama yang diperbadankan di Malaysia yang mempunyai pegangan ekuiti asing tidak melebihi 49% dan majoriti ahli Lembaga Pengarah, Pengurusan dan pekerja adalah warganegara.

## 397 pemilik kilang dapat hak milik

**SUBANG JAYA**

- Selepas 18 tahun menanti, 397 pemilik kilang di kawasan Taman Industri Subang USJ 1 akhirnya berpeluang memiliki hak milik tanah yang sah dengan mudah dan teratur.

Adun Subang Jaya, Hannah Yeoh, (**gambar**) berkata Kerajaan Negeri menguatkuasakan Seksyen 97 dibawah Kanun Tanah Negara untuk melicinkan hak pemilikan tanah secara terus kepada pemilik kilang, dan tidak membebangkan pihak pemaju.

Bagi melancarkan proses ini, Kerajaan Negeri turut mengecualikan pembayaran kos guaman, kos pentadbiran serta tidak mengenakan memorandum kos pindahan.

"Kebiasaannya, urusan perlu dibuat melalui pihak pemaju yang kemudian akan memindahkan kepada pemilik, jadi segala jenis bayaran akan dikenakan.

"Tetapi untuk kali ini, Kerajaan Negeri mengambil kira semua perkara dan membentarkan pemilik membuat permohonan secara terus dengan pejabat tanah," katanya di satu sidang media bersama Penolong Pengarah Pejabat Tanah dan Galian Selangor, Nazrul Shukri, dan pemaju, Ultramine Sdn Bhd.

Langkah ini bagi meningkatkan kemudahan melakukan usaha niaga di kawasannya.

Indeks kemudahan melakukan usaha niaga di Asia Pasifik bagi Jun 2013 menunjukkan Malaysia berada di tangga keenam di belakang Denmark (5), Amerika Syarikat (4), New Zealand (3), Hong Kong (2) dan Singapura (1).

Namun proses mendaftarkan harta tanah menunjukkan Malaysia berada di tangga ke 35 berbanding Singapura (28) dan Mongolia (27).

"Pejabat tanah akan memberi hak milik, tetapi mereka perlu mendapatkan pengesahan daripada pemaju terlebih dahulu bahawa ini adalah pemilik sebenar kerana tidak mahu sebarang penipuan.

"Harap semua pemilik tanah dapat memberikan kerjasama, Kerajaan Negeri hanya berhasrat semua dapat memperoleh hak milik mereka, bahkan lagi cepat baik," kata.



## Lima tapak sampah haram dalam rezab hutan

**OLEH HAFIZAN TAIB**

**HULU LANGAT** - Ada pihak tertentu didakwa menceroboh kawasan rezab hutan kerajaan dan menjadikannya kawasan pembuangan sampah haram di Jalan Hulu Langat - Ampang.

Sehubungan itu, Pejabat Tanah Hulu Langat diminta mengambil tindakan membanteras kegiatan tidak bertanggungjawab yang diyakini wujud dalam tempoh agak lama.

Adun Dusun Tua, Razaly Hassan berkata, perkara itu juga sudah dib-

wa ke dalam mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Daerah untuk tindakan lanjut.

"Pejabat Tanah Hulu Langat pernah mengatakan akan bertindak, tetapi sampai sekarang dilihat tiada sebarang tindakan diambil.

"Kita sudah melawat ke kawasan itu dan mendapati kawasan dinyatakan dijadikan tapak pembuangan sampah haram yang tidak diluluskan," katanya.

Razaly berkata, dipercayai terdapat lebih kurang lima kawasan tapak

pembuangan sampah haram wujud di sepanjang laluan berkenaan.

Katanya, kewujudan kawasan itu turut mengundang bahaya kepada pengguna jalan raya terutama ketika musim hujan dengan beberapa kemalangan dilaporkan berlaku apabila pasir dan lumpur dibawa air ke jalan raya.

"Rakyat sudah mula mempertikaikan fungsi penguatkuasa pihak berkuasa berikutnya tiada sebarang tindakan diambil setakat ini," katanya.

## MPKj diseru bersihkan 'safari mini'



**Longkang tersumbat dan ditumbuhinya semak-semun, menggalakkan pembiakan nyamuk aedes.**

**Gambar kiri:** Adun Dusun Tua, Razaly Hassan



**HULU LANGAT** - Seperti safari mini! Longkang terbiar di Taman Sri Nanding menjadi tempat pembiakan ular, biawak dan jentik-jentik nyamuk serta pelbagai lagi unggas.

Tinjauan Selangor Kini ke kawasan perumahan itu mendapati 'monsoon drain' di kawasan perumahan itu seolah-olah terbiar lama. Adun Dusun Tua, Razaly Hassan berkata keadaan longkang itu terbi-

ar hampir tiga tahun lamanya.

"Kita sudah beberapa kali minta Majlis Perbadaran Kajang (MPKj) membersihkan longkang ini tetapi hingga kini pihak berkuasa itu masih lagi tidak dapat melaksanakan tanggungjawabnya.

"Keadaan longkang ini begitu teruk sekali dan ia menyumbang kepada banyak perkara seperti pembiakan nyamuk dan ada juga penduduk kata

ular masuk dalam rumah. Longkang ini memang cukup bahaya," katanya.

Aliran air di longkang bergerak perlahan membawa bersamanya bau yang memuaskan. Pokok-pokok kiambang melata di sana-sini sepanjang 500 meter.

Razaly menyeru MPKj supaya bertindak dan membersihkan kawasan itu sekurang-kurangnya dua kali dalam setahun.

# MPK sasar tembak 6,000 gagak



Walaupun gagak tidak membawa penyakit namun menimbulkan ketidak selesaan orang awam

## Buang sampah haram, MPSJ sita dua lori

**SHAH ALAM** - Dua buah lori ditahan Jabatan Pengurusan Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ), ketika sedang melakukan pembuangan sampah haram, baru-baru ini.

Timbalan Pengarah Korporat, Jabatan Perancangan Korporat MPSJ, Muhammad

“

MPSJ beri amaran kepada semua pihak agar tidak ambil jalan mudah dengan membuang sampah secara sesuka hati atau akan berhadapan tindakan yang keras daripada MPSJ

**MUHAMMAD AZLI MISWAN**  
Timbalan Pengarah Korporat, Jabatan Perancangan Korporat MPSJ

Azli Miswan berkata tindakan segera Jabatan Pengurusan Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) berjaya menahan lori itu seterusnya membuat sitaan lori di kawasan Puchong.

“Jabatan Pengurusan MPSJ di dalam melaksanakan tugas pemantauan kawasan hot spot pembuangan sampah haram di kawasan Puchong, terserempak dengan dua buah lori yang sedang melakukan aktiviti pembuangan sampah haram.

“MPSJ beri amaran kepada semua pihak agar tidak ambil jalan mudah dengan membuang sampah secara sesuka hati atau akan berhadapan tindakan keras daripada MPSJ,” katanya dalam kenyataan.

Sehingga Jun 2014, sebanyak empat unit lori diambil tindakan sitaan dan dikenakan kompaun RM1,000.00 bagi setiap kesalahan oleh Jabatan Pengurusan MPSJ di atas kesalahan bawah UUK4 Undang-Undang Kecil Pemungutan, Pembuangan dan Pelupusan Sampah Sarap MPSJ 2007.

**KLANG** - Majlis Perbandaran Klang (MPK) akan menganjurkan operasi memburu gagak dalam usaha mengawal najis, serakan sampah-sarap dan bunyi bising burung-burung hitam itu.

Pengarah Jabatan Korporat MPK, Zaireezal Ahmad Zainuddin berkata operasi itu diadakan ekoran aduan awam yang mengadu jumlah gagak yang sangat banyak.

MPK meletakkan sasaran 6,000 ekor burung ditembak dalam operasi yang akan diadakan 22 Jun ini.

“Gagak itu mengotarkan kawasan dengan najis dan menyelerakkan sampah sarap,” katanya.

Di samping itu, operasi menangkap gagak menggunakan jerangkap turut digunakan.

“Gagak yang ditangkap itu akan disembelih kemudian akan ditanam di kawasan sesuai,” katanya.

Katanya, walaupun gagak tidak membawa penyakit kepada manusia namun ia menyebabkan ketidakselesaan orang awam apabila ia dalam jumlah yang besar.

Beliau berkata, MPK sedia mendengar pelbagai idea dan pandangan daripada masyarakat awam untuk kaedah menangkap gagak selain menembak.



## PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI SELANGOR KENYATAAN TENDER

Tender adalah dipelawa kepada Kontraktor-kontraktor Bumiputera yang mempunyai Sijil Perolehan Kerajaan berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB) dalam Gred Kategori dan Pengkhusus yang berkaitan serta masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini bagi kerja-kerja berikut:-

BUTIR-BUTIR TAWARAN	SYARAT PENDAFTARAN	TEMPAT DAN TARikh DOKUMEN DIJUAL	TARikh TENDER DITUTUP
TajukProjek CADANGAN MEMBINA DAN MENYIAPKAN 10 UNIT RUMAH BERKEMBAR 2 TINGKAT YANG MENGANDUNG 5 UNIT RUMAH JENIS A DAN 5 UNIT JENIS B DI SEKSYEN 17, SHAH ALAM SELANGOR DARUL EHSAN UNTUK TETUAN PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI SELANGOR  No. Kontrak PKNS/SA/Py/KON-1/2014	CIDB : Gred G6 Kategori B Pengkhususan B04 Kategori CE Pengkhususan CE 21	Bahagian Perolehan Tingkat 7, Menara HPAIC SEKSYEN 13 SHAH ALAM  Pada :  20 Jun 2014 Hingga 4 Julai 2014	10 Julai 2014  Jam 12.00 Tengahari

- 1 Bayaran Dokumen Tawaran adalah RM 1,000.00 dan hendaklah dibuat dalam bentuk Draf Bank atau Kiriman Wang di atas nama PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI SELANGOR (bayaran ini tidak akan dikembalikan).
- 2 Naskah Dokumen Meja Tawaran boleh disemak di Bahagian Perolehan, Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor pada waktu pejabat bermula 20 Jun 2014.
- 3 Dokumen Tender akan dikeluarkan kepada Kontraktor atau wakil yang sah sahaja. Sekiranya pihak Kontraktor ingin menghantar wakil, sila bawa bersama surat perwakilan kuasa. Kontraktor dikehendaki membawa SURAT PERWAKILAN KUASA, PERAKUAN PENDAFTARAN KONTRAKTOR DAN SIJIL PEROLEHAN KERJA KERAJAAN DARI LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA (CIDB) SERTA SIJIL PENGKIRAFAN TARAF BUMIPUTERA dan satu salinan bagi ketiga-tiga Sijil tersebut semasa membeli dokumen tender.
4. Dokumen Tawaran Tender yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat bermeteri dan dimasukkan ke dalam Peti Tender di alamat:-

BAHAGIAN PEROLEHAN  
PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI SELANGOR  
TINGKAT 7 MENARA HPAIC, LAMAN SERI BUSINESS PARK,  
NO.7, PERSIARAN SUKAN SEKSYEN 13,  
40100 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL EHSAN  
No. Tel : 03-55201234  
<http://etender.pkns.gov.my>

5. Tender yang diterima selepas tarikh dan waktu tutup tidak akan dilayan. Perbadanan tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran lain.

# PKS bantu rakyat atasi masalah emosi

OLEH HAFIZAN TAIB

**SHAH ALAM** - Pusat Kaunseling Selangor (PKS) diharap membantu rakyat mengatasi tekanan jiwa dan perasaan dihadapi melalui khidmat kaunseling percuma disediakan di Kompleks Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS).

Exco Wanita dan Hal Ehwal Masyarakat, Rodziah Ismail berkata, Kerajaan Negeri menaik taraf perkhidmatan ‘Talian Sahabat’ kepada PKS dan ditempatkan di Kompleks PKNS bagi

kemudahan orang ramai kerana ia kawasan tumpuan awam.

“PKS ini salah satu cara kita berikan khidmat kebajikan kepada rakyat bagi mengatasi bebanan ditanggung dari segi emosi. Biasanya kaunseling ini diberikan berkaitan dengan perundangan iaitu masalah rumah tangga, keluarga, kerjaya dan sebagainya,” katanya.

Kerajaan Negeri berharap cara ini memudahkan rakyat menyalurkan masalah melalui saluran betul.

Menurut Pegawai Psikologi PKS,

Rinatho Nunchi, perkhidmatan PKS merangkumi kaunseling individu, keluarga, kerjaya, kelompok dan perkhidmatan bimbingan, rundingcara serta uji-an psikologi.

“Kaunseling bertujuan membungkukan potensi pengadu kerana ketika itu mereka tidak tahu jalan keluar dari masalah mereka,” katanya.

Rinatho yakin kemampuan PKS dengan 27 tenaga kaunselor bertauliah mampu membantu mereka yang memerlukan.

## Wilayah Hulu Langat berdepan gangguan air

**SHAH ALAM** - Dianggarkan sejumlah 33,446 pintu rumah di beberapa kawasan sekitar Wilayah Hulu Langat dijangka terputus bekalan air atau tekanan rendah ekoran penurunan paras air di kolam-kolam utama yang mendapat bekalan air dari Loji Rawatan Air (LRA) Semenyih.

Pengurus Besar, Jabatan Komunikasi Korporat & Hal Ehwal Awam Syabas, Priscilla Alfred berkata gangguan tersebut adalah kesan dari permintaan air yang tinggi melebihi kapasiti bekalan.

“Pengeluaran air terawat dari LRA Sungai Semenyih tidak dapat dipertingkatkan lagi kerana ianya telah mencapai paras maksima.

“Oleh yang demikian, gangguan bekalan air tidak berjadual ini tidak dapat dielakkan,” jelasnya dalam satu kenyataan.

Syabas mengalami kesukaran dalam mendapatkan sumber bekalan air alternatif ekoran kapasiti bekalan air terawat sediada di Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya tidak mencukupi dengan paras rezab bekalan air kurang dari 1 peratus

“Pada masa ini, lori-lori tangki dan tangki air statik sedang di-letakkan dalam keadaan tunggu sedia bagi penghantaran bekalan air kecemasan jika diperlukan,” katanya.



TARIKH	MASA	PROGRAM / PENYERTAAN	TEMPAT
20 Jun 2014	8.00 am - 12.00 pm	Pelancaran Karnival, Tarian, Jualan Kraftangan, Permainan, Promosi Perlancungan MATTA Selangor	Jalan Yong Shook Lin, Pusat Bandar, Seksyen 52, Petaling Jaya
21 Jun 2014 (Sabtu)	10.00 pm - 12.00 pm	Iran, Filipina, India & Melaka (Malaysia)	Pentas Utama, Jalan Yong Shook Lin, Pusat Bandar, Seksyen 52, Petaling Jaya
		Nigeria, Thailand, Sri Lanka & Negeri Sembilan (Malaysia)	Pentas Mini, Jalan Yong Shook Lin, Pusat Bandar, Seksyen 52, Petaling Jaya
	02.00 pm - 04.00 pm	Korea, Egypt, Kenya & Sarawak (Malaysia)	Pentas Utama, Jalan Yong Shook Lin, Pusat Bandar, Seksyen 52, Petaling Jaya
		Ghana, Bangladesh, Indonesia (A) & Perak (Malaysia)	Pentas Mini, Jalan Yong Shook Lin, Pusat Bandar, Seksyen 52, Petaling Jaya
	04.00 pm - 06.00 pm	Japan, Senegal, Indonesia (B), Kelantan (Malaysia) & Selangor (Malaysia)	Pentas Utama, Jalan Yong Shook Lin, Pusat Bandar, Seksyen 52, Petaling Jaya
	06.00 pm - 08.00 pm	Nigeria & Thailand	Pentas Mini, Jalan Yong Shook Lin, Pusat Bandar, Seksyen 52, Petaling Jaya
		Sri Lanka, Ghana, Bangladesh & Negeri Sembilan (Malaysia)	Pentas Utama, Jalan Yong Shook Lin, Pusat Bandar, Seksyen 52, Petaling Jaya
	10.00 pm - 12.00 am	Indonesia (A) & Perak (Malaysia)	Pentas Mini, Jalan Yong Shook Lin, Pusat Bandar, Seksyen 52, Petaling Jaya
22 Jun 2014 (Ahad)	10.00 am - 12.00 pm	Iran, Filipina, India & Melaka (Malaysia)	Pentas Mini, Jalan Yong Shook Lin, Pusat Bandar, Seksyen 52, Petaling Jaya
		Nigeria, Thailand, Sri Lanka & Negeri Sembilan (Malaysia)	Pentas Utama, Jalan Yong Shook Lin, Pusat Bandar, Seksyen 52, Petaling Jaya
	02.00 pm - 04.00 pm	Korea, Egypt, Kenya & Sarawak (Malaysia)	Pentas Mini, Jalan Yong Shook Lin, Pusat Bandar, Seksyen 52, Petaling Jaya
		Ghana, Bangladesh, Indonesia (A) & Perak (Malaysia)	Pentas Utama, Jalan Yong Shook Lin, Pusat Bandar, Seksyen 52, Petaling Jaya
	04.00 pm - 06.00 pm	Japan, Senegal, Indonesia (B), Kelantan (Malaysia) & Selangor (Malaysia)	Pentas Mini, Jalan Yong Shook Lin, Pusat Bandar, Seksyen 52, Petaling Jaya
22 Jun 2014	8.30 pm	Majlis Penutup	Car Park, MBPJ Civic Center

### KAWASAN TERLIBAT GANGGUAN BEKALAN AIR WILAYAH HULU LANGAT

Kg Bahagia, Bangi  
Tmn Jernang Jaya  
Pusat Nuklear  
Genom  
UKM Lingkungan 2  
Tmn Wawasan  
Sek 14 Bandar Baru Bangi  
Kg Teras Jernang  
Seksyen 15, Bandar Baru Bangi  
Seksyen 16, Bandar Baru Bangi  
Seksyen 1, Bandar Baru Bangi  
Seksyen 2, Bandar Baru Bangi  
Seksyen 5 Tambahan Bandar Baru Bangi  
Seksyen 4 Tambahan Bandar Baru Bangi  
Seksyen 3, Bandar Baru Bangi  
Seksyen 4, Bandar Baru Bangi  
Seksyen 15 Tambahan Bandar Baru Bangi  
Bangi Golf Resort  
Kaw Ind Seksyen 13, Bandar Baru Bangi  
Bdr Teknologi Kajang  
Tmn Harmoni Kajang  
PKNS Beranang  
Bandar Tasik Kesuma  
Tmn Bukit Semenyih

**Jumlah pintu rumah: 33,446**



*Visit* Looking For Best Travel Deals?

# TRAVEL FAIR

**20<sup>th</sup> - 22<sup>nd</sup> JUNE 2014**

**10.00 AM - 9.00 PM, SUNKEN PLAZA, MBPJ TOWER**

**Jalan Tengah, Section 52 City Centre, Petaling Jaya, Selangor**



## Lori kuari didakwa langgar peraturan

**HULU LANGAT** - Pengusaha kuari berhampiran Jalan Kuari Sungai Long didakwa menjalankan operasi pengeluaran bahan itu di luar waktu yang dibenarkan.

Menurut Adun Dusun Tua, Razaly Hassan, perkara itu melanggar peraturan Pejabat Daerah Hulu Langat yang menetapkan pengusaha lori hanya boleh mengeluarkan bahan batuan dan pasir dari hari Isnin hingga Jumaat mulai jam 5 pagi hingga 7 pagi dan dari jam 9 pagi hingga 5 petang, dan pada hari Sabtu dari jam 5 pagi hingga 10 pagi dan dari jam 1 petang hingga 4.30 petang.

"Akhir-akhir ini, nampaknya peraturan itu sudah mula dilanggar. Dianggarkan kira-kira 600 buah lori membawa batuan dari tiga kuari keluar masuk dalam sehari melalui jalan raya pada waktu puncak.

"Pengguna jalan raya tidak berpuas hati dengan keadaan ini. Mereka berharap tindakan segera diamalkan supaya pihak berkenaan kembali mematuhi garis panduan ditetapkan," katanya.

Tiga kilang kuari di situ beroperasi sejak beberapa tahun lalu. Aktiviti keluar masuk lori menyebabkan kesesakan jalan raya di DUN Dusun Tua, sehingga Pejabat Daerah Hulu Langat menetapkan peraturan itu pada 16 Disember 2013.

**“**  
**Dianggarkan kira-kira 600 buah lori membawa batuan dari tiga kuari keluar masuk dalam sehari melalui jalan raya pada waktu puncak**

**RAZALY HASSAN**  
Adun Dusun Tua



Kelihatan lori kuari menjalankan operasi di luar waktu yang dibenarkan kira-kira jam 5.30 petang, Khamis



Pasir dilonggok di tebing sungai sebelum diangkut dengan lori

## Kes curi pasir didakwa berulang di Semenyih

OLEH HAFIZAN TAIB

**SEMENYIH** - Kes curi pasir didakwa berulang kembali di DUN Semenyih sejak akhir-akhir ini.

Terbaru lori mengangkut pasir didakwa dikesan memasuki kawasan Kampung Sri Pening di sini bagi menjalankan operasi membawa keluar bahan itu yang dipunggah di kawasan sungai di kampung berkenaan.

Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) Kampung Pasir Baru, Arif Bujang berkata Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) perlu menyiasat aktiviti itu supaya jenayah curi pasir dapat dibanteras.

"Aktiviti curi pasir di kawasan ini memang berjalan sejak sekian lama sebelum Kerajaan Negeri bertukar tangga. Bagaimanapun ia banyak berkurangan selepas itu."

"Kes terbaru ini saya kesan kira-kira minggu lalu apabila lori mengangkut pasir masuk ke kampung ini. Pemandu lori mengatakan pasir itu digunakan bagi tujuan meninggikan tanah di tebing untuk menghalang daripada berlaku banjir," katanya.

Arif bagaimanapun curiga dengan penjelasan diberikan dan berdasarkan maklumat diberi diyakini terdapat 'pihak tertentu' menjalankan operasi terbabit tanpa kelulusan.

Sejak 2008, katanya, hamipir 20 laporan polis dibuatnya termasuk kepada Pejabat Tanah dan Daerah Hulu Langat.

"Memang banyak kawasan

di sini yang menjadi tumpuan pengusaha pasir. Salah satu ialah kawasan penempatan Orang Asli iaitu Kampung Sungai Lalang.

"Saya akan memantau perkembangan yang berlaku di Sungai Pening. Saya yakin sekiranya tidak dipandang serius, ia akan berulang," katanya.



**Arif Bujang, berdiri atas timbunan pasir yang didakwa dicuri pihak tidak bertanggungjawab**

# Pembangunan atlet Perangsang Selangor cetus kejayaan



OLEH AMIN LIN ABDULLAH

**PASUKAN** renang Selangor yang diwakili oleh 5 orang perenang tajaan Rangsangan Sukan Selangor (RSS) telah mencatat keputusan cemerlang dengan menyumbang 7 daripada 9 pingat emas yang diperoleh di Kompleks Sukan Tuanku Syed Putra, Perlis sempena Kejohanan SUKMA ke-17, baru-baru ini.

Chan Jie, 19 tahun berasal dari Subang, berjaya muncul perenang terbaik pasukan dengan merangkul 3 pingat emas dan memecahkan dua rekod kejohanan menerusi acara 50m Kuak Kupu-kupu Lelaki (25.13s) dan 100m Kuak Kupu-kupu Lelaki (55.04s) serta 4x100m Rampaian Lelaki.

Selain itu, Chan Jie dan seorang lagi perenang RSS, Lim Tsiu Khoon, 17 tahun juga cemerlang dengan menjulang pingat emas di dalam acara 4x100m Gaya Bebas Lelaki dengan memecahkan rekod kejohanan mencatat masa 3:30.39s.

Kategori wanita pula, Caroline Chan, 19 tahun telah merangkul pingat emas dalam acara 50m Kuak Lentang Wanita dan 4x100m Rampaian Wanita bersama Phee Jin Q En,



17 tahun dan Maryann Kok, 18 tahun. Emas ke-7 diperoleh oleh Maryann Kok dalam acara 4x100m Gaya Bebas Wanita.

Selain itu, atlet renang RSS turut membawa pulang 6 pingat perak dan 9 pingat gangsa.

“Perangsang Selangor amat berbangga dengan pencapaian atlet-atlet kami pada temasya SUKMA kali ini. Dengan latihan intensif dan bimbingan jurulatih profesional, mereka berjaya mencapai kejayaan dan mengharumkan nama negeri Selangor. Syabas dan tahniah diucapkan”, kata Pengurus Kumpulan Perangsang Selangor Berhad, YM Raja Haji Idris Raja Kamarudin.

Sementara itu, atlet lumba



## MEREKA MENJULANG SELANGOR...

Gambar ikut jam atas kiri:  
Skuad renang,  
Lumba basikal,  
Payee Lim (kiri)  
dan Crysvia Lim  
(Badminton)

basikal RSS, Mohd Izdihilmi Samsuddin berjaya mencapai 1 pingat perak dan 1 pingat gangsa dalam

Ujian Masa Berpasukan Lelaki. Pada masa yang sama Mohd Fitri Sharil juga berjaya mendapat pingat gangsa dalam acara Ujian Masa Berpasukan Lelaki.

Di Dewan Badminton KSN pula, pemain badminton RSS membawa pulang 2 pingat gangsa di dalam acara Berpasukan Wanita oleh Crysvia Lim & Birentah a/p A. Karupathavan dan Beregu Campuran oleh Payee Lim.

RSS merupakan program pembangunan sukan di bawah inisiatif Tanggungjawab Sosial Korporat, Kumpulan Perangsang Selangor Berhad (Perangsang Selangor) yang melibatkan 5 sukan popular, iaitu bola sepak, renang, lum-

ba basikal, badminton dan boling.

Perangsang Selangor telah memperuntukkan dana berjumlah RM1.8 juta bagi melaksanakan program RSS yang merangkumi Kem Bakat Sukan, iaitu pemilihan, latihan dan pembangunan ahli-ahli sukan remaja; seterusnya ahli-ahli sukan yang berpotensi akan diserap ke dalam Pasukan Elit Perangsang Selangor untuk menyertai pertan-

dingan di dalam dan luar Negera; dan tajaan beberapa kejohanan bola sepak bagi mencungkil bakat pemain remaja untuk mewakili Selangor dan Malaysia.

“Sehingga kini, Perangsang Selangor telah membelanjakan sebanyak RM169,353 bagi sukan boling, RM107,340 sukan badminton, RM99,630 sukan bola sepak, RM95,050 sukan renang dan RM82,400 sukan lumba basikal” kata Raja Idris.

## WAKTU SOLAT SELANGOR


20 - 27 JUN 2014  
22 - 29 SYA'ABAN 1435H

Gombak, Hulu Selangor, Rawang, Hulu Langat, Sepang, Petaling, Shah Alam

	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
20 Jumaat	5:32	5:42	7:05	1:18	4:43	7:27	8:42
21 Sabtu	5:32	5:42	7:06	1:18	4:44	7:27	8:42
22 Ahad	5:32	5:42	7:06	1:18	4:44	7:27	8:43
23 Isnin	5:32	5:42	7:06	1:18	4:44	7:27	8:43
24 Selasa	5:33	5:43	7:06	1:18	4:44	7:27	8:43
25 Rabu	5:33	5:43	7:06	1:19	4:44	7:28	8:43
26 Khamis	5:33	5:43	7:07	1:19	4:45	7:28	8:43
27 Jumaat	5:33	5:43	7:07	1:19	4:45	7:28	8:44

Sabak Bernam, Kuala Selangor, Klang, Kuala Langat

	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
20 Jumaat	5:34	5:44	7:07	1:20	4:45	7:29	8:44
21 Sabtu	5:34	5:44	7:07	1:20	4:46	7:29	8:45
22 Ahad	5:34	5:44	7:08	1:20	4:46	7:29	8:45
23 Isnin	5:34	5:44	7:08	1:20	4:46	7:29	8:45
24 Selasa	5:35	5:45	7:08	1:20	4:46	7:29	8:45
25 Rabu	5:35	5:45	7:08	1:21	4:46	7:30	8:45
26 Khamis	5:35	5:45	7:09	1:21	4:47	7:30	8:46
27 Jumaat	5:35	5:45	7:09	1:21	4:47	7:30	8:46



Datuk Bandar diminta beri perhatian

## Tasik Seri Aman belum pulih

OLEH NAEEM RAFFI

**SHAH ALAM** - Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) masih belum memulakan kerja-kerja pembersihan di Taman Rekreasi Tasik Seri Aman yang tercemar akibat kerja-kerja penambakan menggunakan sampah.

Adun Seri Serdang, Noor Hanim Ismail kesal atas kelewatan MPSJ melantik kontraktor pembersihan biarpun tarik luput sebut harga telah lama tamat.

"Pada Ahad lalu (15 Jun), saya turun ke lokasi dan keadaannya masih seperti dahulu, tasik dipenuhi sampah

"Perkara ini telah meluas diperkatakan. Daripada aduan penduduk sehingga mendapat liputan media. Mengapa sehingga kini, MPSJ masih belum bertindak," katanya ketika ditemui Selangor Kini di Dewan Annex baru-baru ini.

Noor Hanim berkata, beliau telah menghantar laporan bergambar mengenai perkara itu pada hari yang sama. Malangnya sehingga kini tiada respon daripada MPSJ.

"Kesempatan di Sidang Dewan Negeri (DUN), saya telah 'follow up' perkara ini kepada Exco Kerajaan Tempatan, Teng Chang Khim.

"Beliau memaklumkan, perkara ini akan dibawa Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) untuk diambil tindakan segera. Jadi, kita lihat



**BERSEMANGAT...** Exco Kebajikan dan Hal Ehwal Wanita, Rodziah Ismail (berbaju oren), bersama atlet paralimpik yang mewakili Selangor pada Temasya Sukan Orang Pekak Malaysia (SOPMA), sebelum berlepas ke Melaka pada 13 Jun lepas Gambar oleh Shuaib Ayob

perkembangannya dalam tempoh seminggu dua ini," jelasnya.

Bermula 27 Mei, MPSJ mengaut sebahagian sampah sarap di dalam tasik dengan menghantar beberapa lori dan jengkaut ke tasik berkenaan.

MPSJ juga menempatkan tong roro dan membina longkang besar serta meletakkan penghalang konkrit di empat

lokasi pembuangan sampah bagi menghalang aktiviti pembuangan dan penambakan menggunakan sampah dan sisa binaan.

Kerja-kerja pembersihan awal tersebut dilakukan MPSJ, sementara menunggu kontraktor pembersihan dilantik dalam tempoh dua minggu selepas tarikh luput sebut harga pada 28 Mei lalu.

Ketika dihubungi, Ahli Majlis MPSJ, Rosharizan Rozlan berkata beliau akan menyiasat dan mendapatkan kepastian berhubung perlantikan kontraktor untuk kerja-kerja pembersihan tasik.

Sebelum ini, siasatan Selangor Kini ke atas isu penambakan Taman Rekreasi Tasik Seri Aman menimbulkan be-

berapa petunjuk penting.

Difahamkan, kerja-kerja penambahbaikan tersebut dilakukan oleh kumpulan tertentu yang mendakwa mereka sebagai pemilik tanah.

Lebih memerlukan lagi, tasik yang digazetkan sebagai taman rekreasi itu telah diagih-agihkan kepada 12 sehingga 20 lot.




### Tabung Warisan Anak Selangor (TAWAS)

"Jom Daftar & Dapatkan Penyata Simpanan TAWAS RM 1,500!"

**selangorku**

**Manfaat:**

- Skim Khairat Kematiann bernilai RM 1,500\*
- Berkaukuasa pada 1 Mac 2014
- Hadiah Kelahiran 2008 : Baucer Jom Shopping RM 100
- Hadiah Kelahiran 2009 : Bonus RM 30
- Hadiah Kelahiran 2010 : Bonus RM 30
- Hadiah Kelahiran 2011 : ..... ?
- Hadiah Kelahiran 2012 : ..... ?



Maklumat lanjut sila layari [www.tawas.org.my](http://www.tawas.org.my)

atau hubungi **03 - 5521 8740 / 8741**